



SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA BAIK PULIH DAN BINA BAHARU 10,225 UNIT RUMAH UNTUK RAKYAT MISKIN BANDAR

PUTRAJAYA, 19 Disember 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memperkukuh agenda perumahan inklusif negara apabila berjaya membaik pulih dan membina baharu sebanyak **10,225 unit rumah untuk rakyat miskin bandar** di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata menerusi Program Baik Pulih Rumah di Bandar, KPKT telah **berjaya membaik pulih 9,859 unit rumah daif** milik rakyat miskin di kawasan bandar, sekali gus meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup serta tahap keselamatan kediaman golongan berpendapatan rendah.

"Pada masa yang sama, menerusi Program Bina Baharu Rumah di Bandar, sebanyak **366 unit rumah baharu telah dibina bagi komuniti miskin bandar.**"

"Usaha kami ini selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang berteraskan prinsip 'Kata Dilunas, Kota Dibina' bagi memastikan rakyat mendapat manfaat sebenar daripada dasar yang dilaksanakan dan memastikan tiada yang terpinggir daripada arus pembangunan," ujar beliau.

Bagi menjayakan kedua-dua inisiatif ini, Kerajaan MADANI telah menyalurkan peruntukan berjumlah **RM171 juta bagi Program Baik Pulih Rumah di Bandar** dan **RM31 juta bagi Program Bina Baharu Rumah di Bandar**, ini menjadikan **jumlah keseluruhan** peruntukan sebanyak **RM202 juta**.

Secara keseluruhan, pelaksanaan program ini telah berjaya dalam menyediakan bantuan perumahan kepada rakyat miskin di bandar di bawah RMK-12 yang memberi **manfaat kepada 10,225 keluarga** sekali gus membuktikan komitmen dan dedikasi Kerajaan MADANI dalam usaha **menoktahkan kemiskinan tegar** menjelang tahun 2026 melalui penyediaan perumahan yang selamat, bermaruah dan mampan.

KPKT akan terus komited memperkasa agenda perumahan rakyat dengan pendekatan bersasar dan berimpak tinggi demi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
KPKT